



Tun Jeanne bersama Nori menyiram air mawar di pusara Allahyarham Tun Abdullah pada Istiadat Pengebumian Negara di Makam Pahlawan, Masjid Negara, semalam. (Foto BERNAMA)

Abdullah disemadi di Makam Pahlawan

Jenazah PM kelima dikebumi mengikut Istiadat Pengebumian Negara

Kuala Lumpur: Jenazah Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi selamat disemadikan di Makam Pahlawan, Masjid Negara pada jam 2.30 petang semalam.

Perdana Menteri kelima itu dikebumikan mengikut Istiadat Pengebumian Negara.

Terdahulu, solat jenazah, tahlil serta bacaan talkin dipimpin Imam Besar Masjid Negara, Ehsan Mohd Hosni.

Selain balu Allahyarham, Tun Jeanne Abdullah, turut berada di Makam Pahlawan ialah anak Allahyarham, iaitu Tan Sri Kamaluddin serta Nori dan suami, Khairy Jamaluddin dan beberapa ahli keluarga terdekat.

Turut berada di Makam Pahlawan ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kedua-dua Timbalan Perdana Men-

teri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan "Datuk Seri Fadillah Yusof serta pemimpin lain.

Penghormatan terakhir

Terdahulu, penghormatan terakhir kepada Allahyarham Abdullah bermula pada jam 10 pagi hingga jam 1 tengah hari.

Abdullah yang lebih dikenali sebagai 'Pak Lah' meninggal dunia pada usia 85 tahun di Institut Jantung Negara (IJN) pada jam 7.10 malam kelmarin.

IJN dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa Abdullah dimasukkan ke hospital pagi Ahad selepas mengalami kesukaran bernafas. BERNAMA